

12 OCT 2003

OIC-Rangkuman

SYRIA GESA SATU MESEJ JELAS MENGENAI PERPADUAN DARI OIC

Oleh: Shakir Husain

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Perbincangan mengenai Palestin serta serangan Israel ke atas Syria bakal menjadi tumpuan pada mesyuarat menteri-menteri luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) esok, semasa Syria lantang menggesa supaya disuarakan `satu mesej mengenai perpaduan' dari negara-negara Islam.

Seorang pegawai kanan Palestin berkata rakyat Palestin akan hanya menghentikan tindakan bersenjata menentang Israel apabila pendudukan ke atas negara mereka ditamatkan.

Semasa menteri-menteri luar tiba hari ini untuk bermesyuarat selama dua hari, momentum sidang kemuncak penuh di kalangan ketua negara dan kerajaan pada hari Khamis dan Jumaat nanti nampak semakin rancak.

Jurucakap menteri Luar Syria memberitahu Bernama hari ini bahawa Syria akan meminta suatu `kutukan jelas' keatas Israel daripada negara-negara anggota OIC berhubung serangan negara Yahudi itu keatas tanah air Syria.

Pengarah Jabatan Pertubuhan Antarabangsa, Bashar Jafary berkata Syria akan meminta suatu resolusi berhubung perkata itu sebagai satu mesej perpaduan daripada pertubuhan yang dianggotai oleh 57 negara itu.

"Majlis keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa harus menamatkan tindakan agresif Israel ini," katanya.

Jafary berkata serangan Israel melanggar perjanjian Geneva pada tahun 1974 mengenai pengunduran tentera Syria dan Israel dari kawasan Bukit Golan yang diduduki tentera Israel.

Katanya Syria akan mengambil langkah mempertahankan diri sekiranya masyarakat antarabangsa gagal mengutuk serangan Israel.

"Kami punyai hak untuk mempertahankan diri. Kepimpinan politik akan menimbangkan langkah yang akan diambil berdasarkan kepada maklum balas oleh Majlis Keselamatan PBB, OIC dan masyarakat antarabangsa," katanya.

Keganasan Israel di Palestin juga akan terus menjadi tumpuan dalam agenda Sidang Kemuncak ke-10 OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia yang baru.

Ketua Biro Politik Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Farouq al-Kaddoumi menegaskan bahawa "perjuangan bersenjata adalah satu-satunya jalan menamatkan pendudukan Israel".

Kaddoumi, pemimpin tertinggi Palestin yang menghadiri persidangan itu, berkata: "Pejuang (kami) bertekad membebaskan wilayah yang diduduki ke arah pembentukan negara Palestin dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara."

Palestin sebelum ini menggesa OIC mengambil "langkah praktikal" terhadap regim Tel Aviv daripada berpuashati dengan menyuarakan kutukan demi kutukan.

Kaddoumi berkata pengambilalihan pengerusi OIC oleh Malaysia menjadi petanda baik kepada penduduk Palestin kerana Malaysia merupakan negara yang menyokong kuat perjuangan mereka.

Beliau berkata Presiden Yasser Arafat yang tidak dapat hadir telah menyampaikan salam kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin lain OIC.

Sebanyak 35 ketua negara dan kerajaan dijadual menghadiri persidangan itu.

Presiden Bosnia Herzegovina, Sulejman Tihic tiba pagi ini untuk menghadiri persidangan sebagai pemerhati.

Turut tiba pagi tadi ialah Menteri Luar Comoros Souef Mohamed El Amine,

Fathulla Jameel (Maldives), Khurshid Ahmed Kasauri (Pakistan), Farouk Al Sharaa (Syria), Ali Yossoup (Djibouti), Nazarod Talbak (Tajikistan) serta Timbalan Menteri Luar Mauritania Abdel-Kader-Ould Mohamed dan wakil Majlis Pemerintahan Iraq Hoshiar Zibari.

Menteri Luar Bangladesh M. Morshed Khan dan Menteri Luar Sudan Mustafa Osman Ismail serta ketua delegasi Kazakhstan Kassymzhomart Tokaev tiba pada sebelah petang.

Menteri Luar Filipina Blas F.Ople yang menghadiri persidangan selaku jemputan khas, tiba petang tadi. Turut tiba hari ini ialah delegasi dari Sekretariat OIC di Jedaah.

Menteri Luar Arab Saudi Putera Saud Al Faisal dijadual tiba di KLIA lewat malam ini.

-- BERNAMA
SKH AZZ MOZ